



---

**PROSEDUR OPERASI STANDARD KUTIPAN SISA PEPEJAL  
DI STESEN KUARANTIN SEWAKTU PANDEMIK COVID-19 DAN  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

---

### **Maklumat dan Kawalan Versi Dokumen**

|                                  |                  |               |
|----------------------------------|------------------|---------------|
| <b>PROSEDUR OPERASI STANDARD</b> | No. Dokumen      | 2/2020        |
|                                  | No. Keluaran     | 2             |
|                                  | No. Pindaan      | 0             |
|                                  | Tarikh Kuatkuasa | 29 Julai 2020 |
|                                  | Kategori Dokumen | Terbuka       |

## **ISI KANDUNGAN**

---

### **BAHAGIAN I**

- 1. TUJUAN**
- 2. KUAT KUASA**
- 3. LATAR BELAKANG**
- 4. OBJEKTIF**
- 5. SKOP PEMAKAIAN SOP**

### **BAHAGIAN II**

#### **PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL DI STESEN KUARANTIN COVID-19**

- 6. ALATAN PERLINDUNGAN DIRI (PPE) DAN PERALATAN LAIN**
- 7. PROSEDUR OPERASI STANDARD (*STANDARD OPERATING PROCEDURE*  
– SOP)**
- 8. PELAPORAN**

## BAHAGIAN I

### 1. TUJUAN

Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure* – SOP) ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pihak-pihak yang terlibat untuk melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa pepejal di stesen-stesen kuarantin yang telah ditetapkan sewaktu pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

### 2. KUATKUASA

Prosedur Operasi Standard ini berkuatkuasa dengan **serta merta**.

### 3. LATAR BELAKANG

- 3.1 Penubuhan stesen kuarantin COVID-19 adalah merupakan satu keperluan di bawah seksyen 14 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Ianya juga selaras dengan Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menetapkan agar stesen kuarantin COVID-19 digunakan untuk pengasingan atau pemerhatian ke atas mana-mana individu yang dijangkiti atau disyaki dijangkiti yang mana individu tersebut akan ditempatkan di stesen kuarantin sehingga boleh dilepaskan tanpa menimbulkan risiko jangkitan kepada orang ramai. Stesen kuarantin diisytihar dan diwartakan oleh Menteri Kesihatan Malaysia melalui P.U. (B) 179/2020 hingga P.U. (B) 195/2020 dan kebanyakannya adalah stesen-stesen latihan milik agensi kerajaan dan bangunan milik swasta<sup>1</sup>. Pengurusan stesen-stesen kuarantin ini adalah diselenggarakan oleh pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).
- 3.2 Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020, kutipan dan pelupusan bagi sisa klinikal di stesen kuarantin adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Kesihatan Daerah manakala untuk sisa am lain adalah di bawah pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh yang demikian, pengurusan sisa pepejal am (tidak termasuk sisa klinikal) daripada stesen kuarantin di 7 negeri melibatkan negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah, Perlis, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah dilaksanakan oleh syarikat konsesi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan dikawal selia oleh Perbadanan Pengurusan

---

<sup>1</sup>Jumlah stesen kuarantin berdasarkan Perisytiharan Stesen Kuarantin (No. 2) 2020 [P.U. (B) 179/2020] hingga Perisytiharan Stesen Kuarantin (No. 10) 2020 [P.U. (B) 195/2020]

Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Manakala, pengurusan sisa pepejal am (tidak termasuk sisa klinikal) di stesen kuarantin di negeri-negeri lain adalah di bawah kawal selia Pihak Berkuasa Tempatan.

#### **4. OBJEKTIF**

- 4.1 Memastikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal di stesen kuarantin COVID-19 dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan.
- 4.2 Mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 terhadap pekerja dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan sisa pepejal dari stesen kuarantin.

#### **5. SKOP PEMAKAIAN SOP**

##### **5.1 Pemakaian**

5.1.1 SOP ini diguna pakai oleh:

- (a) agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pengurusan sisa pepejal di stesen kuarantin COVID-19; dan
- (b) pekerja dan kakitangan yang melaksanakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di lapangan dan juga di fasiliti pengurusan sisa pepejal.

5.1.2 SOP ini adalah sebagai tambahan kepada SOP atau manual operasi sedia ada berkaitan aktiviti kutipan sisa pepejal yang telah digunapakai oleh syarikat konsesi/kontraktor/agensi.

## BAHAGIAN II

### PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL DARI STESEN KUARANTIN COVID-19

#### 6. ALAT PELINDUNG DIRI (PPE) DAN PERALATAN LAIN

- 6.1 Semua pekerja yang melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa pepejal di stesen stesen kuarantin COVID-19 wajib memakai kelengkapan PPE seperti berikut:
- (a) Apron pakai buang
  - (b) Pelitup muka (*face mask*) pakai buang
  - (c) *Safety goggles*
  - (d) *Wellington/safety boot*
  - (e) Sarung tangan *surgical & cotton glove* pakai buang atau sarung tangan getah.
- 6.2 Peralatan yang perlu disediakan semasa melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa pepejal di stesen kuarantin COVID-19 adalah seperti berikut:
- (a) Peralatan untuk semburan disinfektan
  - (b) Disinfektan dari jenis *Sodium hypochlorite* dengan kepekatan 0.1% hingga 0.5% (rujukan kepada SOP Operasi Sanitasi Awam COVID-19 Bil 1/2020 yang diterbitkan oleh KPKT untuk panduan kaedah penyediaan disinfektan)
  - (c) Peralatan untuk mengalih sisa sekiranya perlu seperti penyodok (*scoop*) dan penyapu.

#### 7. PROSEDUR OPERASI STANDARD (*STANDARD OPERATING PROCEDURE – SOP*)

- 7.1 Sebelum Pelaksanaan Kutipan
- (a) Taklimat kepada pekerja berkenaan pelaksanaan kerja di lapangan perlu dibuat oleh syarikat konsesi/kontraktor/agensi.
  - (b) Pekerja wajib mematuhi penggunaan pemakaian peralatan perlindungan diri (PPE).

- (c) Pekerja tidak dibenarkan menyertai aktiviti kutipan sisa sekiranya berada dalam situasi berikut:
  - i. suhu badan melebihi 37.4° celsius;
  - ii. pekerja yang mempunyai simptom COVID-19 seperti batuk, demam, sesak nafas dan lain-lain; dan
  - iii. *Person Under Investigation* (PUI), *Person Under Surveillance* (PUS) dan kontak kepada kes positif.
- (d) Pemeriksaan jentera pra-operasi bagi memastikan hanya jentera yang berkeadaan baik sahaja dibenarkan beroperasi dan dipastikan semua peralatan mencukupi dan berkeadaan baik.
- (e) Jumlah pekerja yang terlibat hendaklah minimum mengikut keperluan pelaksanaan perkhidmatan kutipan dengan amalan *social distancing* 1 meter perlu dipatuhi.

## 7.2 Semasa Aktiviti Kutipan

- (a) Kutipan dilaksanakan mengikut jadual dari pusat tong yang berada di stesen-stesen kuarantin COVID-19.
- (b) Penyemburan disinfektan di tong dan pusat tong sebelum aktiviti kutipan dimulakan.
- (c) Tidak menyentuh sebarang sisa di dalam atau luar tong.
- (d) Menggunakan peralatan untuk memindahkan sisa yang tidak diletakkan di dalam tong sekiranya perlu seperti penyodok, penyapu atau lain-lain peralatan.
- (e) Penggunaan *bin lifter* sepenuhnya semasa memindah sisa ke dalam kenderaan kompaktor. Kaedah kutipan yang bersesuaian bagi kutipan dari tong RORO dengan meminimalkan sentuhan kepada tong.
- (f) Penyemburan disinfektan ke permukaan panel kawalan *bin lifter* atau panel jentera *arm-roll* setelah selesai kutipan sebelum bergerak ke lokasi seterusnya.
- (g) Pekerja dan pemandu sentiasa menggunakan disinfektan pada PPE yang menyentuh tong dan peralatan sokongan setiap kali selepas membuat kutipan di setiap lokasi pusat tong.

- (h) Pemakluman kepada pihak penerima sisa berkaitan sisa dari stesen kuarantin. Penerima sisa mestilah dibekalkan senarai kenderaan yang mempunyai laluan kutipan dari stesen kuarantin. Sisa daripada kenderaan kutipan ini perlu dilupuskan terus TANPA melalui apa-apa proses pra-rawatan lain.
- (i) Penghantaran sisa ke kemudahan pengurusan sisa pepejal yang dibenarkan.

### 7.3 Selepas Aktiviti Kutipan

- (a) Membasuh kenderaan dengan bahan detergen yang sesuai selepas operasi dan diletakkan di lokasi yang ditetapkan.
- (b) Bahagian dalam kenderaan yang menempatkan pemandu dan pekerja perlu dibuat disinfeksi.
- (c) Pekerja dan pemandu perlu membersihkan tangan dan diri selepas operasi dijalankan menggunakan disinfektan.
- (d) Semua peralatan yang telah digunakan perlu dibersihkan dan hendaklah didisinfeksi selepas operasi selesai.
- (e) Memastikan apron, pelitup muka dan sarung tangan dibuang mengikut kaedah yang ditetapkan di depoh atau *mustering point*. *Wellington/safety boot* dan *safety goggle* perlu dibersihkan dan didisinfeksi sebelum disimpan.
- (f) Melaksanakan pemeriksaan selepas operasi untuk kenderaan dan memaklumkan sebarang kerosakan kepada mekanik yang bertugas.
- (g) Semua peralatan disimpan di depoh, stor atau di tempat yang disediakan selepas operasi kutipan.
- (h) Pekerja dan kakitangan diingatkan agar sentiasa mengamalkan kebersihan diri.

## 8. PELAPORAN

Pelaporan bagi pelaksanaan aktiviti kutipan sisa pepejal dari stesen kuarantin COVID-19 sewaktu pandemik COVID-19 dan PKP perlu mengikut prosedur pelaporan sedia ada yang telah ditetapkan oleh syarikat konsesi/kontraktor/agensi berkaitan.



**TERBITAN**

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**2020**